




BULETIN INFORMASI PERBADANAN PUTRAJAYA

BULETIN PPj

EDISI BAHARU

• KELUARAN 1 2020



Sidang REDAKSI

KETUA EDITOR



YM Tengku Aina binti YTM Tengku Ismail Shah

EDITOR



Puan Haryani
binti Kaulan



Cik Siti Nurul
Azzua binti Tamjis

URUS SETIA SOKONGAN TEKNIKAL (ICT)



Encik Amran
bin Ashaari



Puan Syalinda binti
Abu Hassan Al Shaari



Encik Rosmaidi
bin Rimin

GRAFIK DAN REKA BENTUK



Puan Zuraida
binti Zainol

PENULIS



Encik Khalilurrahman
bin Kamaruz-zaman



Puan Nor Azimah
binti Jamaluddin



Encik Asmawi
bin Ahmad



Encik Adi Khriman
bin Marji



Encik Mohd Fairus
bin Mohd Padzil



Puan Norhaliza
binti Hanifah



Puan Nur Nisha
binti Mohd Idrus



Puan Fadhlul Jannah
binti Abd Karim



Puan Wan Aslina
binti Wan Awang



Encik Mohd Faizal
bin Ab. Wahab Chu



Puan Jane Jasmin
binti Benjamin Yuen



Encik Muhammad
Shurazi bin Sukhur

ISI KANDUNGAN

- SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2020
- LEBIH 2000 KAKI PANCING SERTAI PERTANDINGAN MEMANCING PUTRAJAYA 2020
- MYBALLOON 2020, 19 - 22 MAC 2020 DITANGGUHKAN
- TERJUNAN EKSTREM JADI ACARA TAHUNAN PUTRAJAYA
- LARIAN BUDI HALF MARATHON 2020
- 3000 PESERTA MERIAHKAN PUTRAJAYA PARKS DAY

3
4
5
6
7
8

PERTANYAAN

Sidang redaksi **Buletin Perbadanan Putrajaya** mengalu-alukan komen, ulasan dan sumbangan dari semua pembaca

Email pertanyaan hendaklah ditujukan kepada:
ppjonline@ppj.gov.my

Bahagian Komunikasi Korporat,
Jabatan Perkhidmatan Korporat,
Perbadanan Putrajaya,
24, Persiaran Perdana,
Presint 3, 62675 Putrajaya.

Untuk maklumat lanjut, sila layari:

www.ppj.gov.my

[Facebook/putrajaya](#)

[Twitter@putrajayacorp](#)

[Youtube/perbadananputrajaya](#)

[Instagram/perbadananputrajaya](#)

Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2020



Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) 2020 membuka tirainya pada 1 Februari 2020 dengan pelbagai acara menarik untuk warganya di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Pada sebelah pagi, Festival SHWP menjadi acara pembukaan dengan pelbagai aktiviti dijalankan seperti sukan tradisional. Pada sebelah petang pula, Konvoi motosikal yang membawa bendera Wilayah Persekutuan yang dianjurkan Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) berjaya mengegarkan Dataran Merdeka dengan deruan enjin 1,500 buah motosikal.

Manakala pada malamnya pula, Dataran Merdeka dibanjiri oleh orang ramai dengan 5,000 pengunjung disajikan dengan Konsert Sayangi Wilayahku di mana pelbagai persembahan ditampilkan melibatkan artis-artis terkenal tanah air.

Di Putrajaya pula, seramai 32 penerjun dari sembilan buah negara mempamerkan aksi payung terjun yang menyertai 'Putrajaya Base Jump' sempena Sambutan Jubli Perak, SHWP dan Tahun Melawat Malaysia 2020 dari ketinggian tingkat 40 Menara Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

Acara bertemakan keagamaan dan ilmiah dalam slot Prima Dakwah Wilayahku juga tidak ketinggalan. Kira-kira 3,000 orang memenuhi padang di Stadium Bola Sepak Cheras untuk mendengar syarahan oleh penceramah terkenal dari Indonesia, Ustaz Abdul Somad.



Lebih 2,000 Kaki Pancing Sertai Pertandingan Memancing Putrajaya 2020

Lebih 2,000 peserta memenuhi persisiran Tasik Presint 2, 3, dan 4, Putrajaya bagi pertandingan memancing Putrajaya 2020 di sini sempena karnival Hari Wilayah Persekutuan 2020 anjuran Perbadanan Putrajaya (PPj).

Menurut Presiden PPj, Datuk Dr. Aminuddin Hassim, penyertaan kali ini sangat menggalakkan dan diluar jangkaan. Seramai 2,010 penyertaan peserta berbanding tahun 2019 yang seramai 1,500 peserta direkodkan.

Pertandingan ini terbuka kepada 'kaki-kaki pancing' dengan yuran penyertaan RM20 bagi setiap joran untuk warga tempatan manakala RM50 kepada warga asing. Kepada 1,000 penyertaan awal iaitu 500 pendaftar atas talian dan 500 di kaunter menerima baju-T percuma.

Pertandingan yang bermula seawal jam 7.30 pagi hingga 12 tengah hari menyediakan hadiah berjumlah lebih RM20,000 kepada para pemenang sehingga tempat ke-100 berupa wang tunai serta hamper.

Selain itu, PPj turut menyediakan 40 hadiah cabutan bertuah berupa barang keperluan memancing dan empat hadiah bonanza berupa satu unit TV LED 60 inci dan tiga unit TV LED 40 inci buat peserta-peserta yang bertuah.

Terdahulu, PPj telah melepaskan 12,000 benih ikan iaitu Jelawat dan Lampam Kerai serta tiga spesis ikan induk iaitu Temoleh, Jelawat dan Kelah dengan anggaran berat 1.5 hingga 2 kilogram. Benih-benih ikan tersebut merupakan sumbangan daripada Pusat Pengembangan Akuakultur, Perlok, Pahang dan Pusat Penyelidikan Ikan Air Tawar, Gelami Lemi, Negeri Sembilan.

Majlis perasmian pertandingan memancing sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2020 telah disempurnakan oleh Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abd. Samad. Turut hadir, Presiden PPj, Datuk Dr Aminuddin Hassim dan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan, Wan Ahmad Uzair Wan Sulaiman.

Pada pertandingan itu, dengan berbekalkan umpan dedak dan roti dicampur perisa buatan sendiri berharga RM50, Mohd Suhaimi berjaya menaikkan ikan Tenggalan seberat 3.64 kilogram. Hadiah tempat kedua pula dimenangi oleh Siti Zaleha Md Jamil yang membawa pulang RM 5,000 dan tempat ketiga dengan hadiah RM3,000 dimenangi oleh Mohammad Syamim Hussin selain 97 hadiah sagu hati.



MyBalloonFiesta 2020

19 - 22 Mac 2020 Ditangguhkan

Belon udara panas pelbagai berbentuk akan ditonjolkan pada penganjuran Fiesta Belon Udara Panas Putrajaya Kali ke-10 pada 19 hingga 22 Mac 2020.

Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj) Datuk Dr Aminuddin Hassim berkata, lebih 20 belon udara panas akan diterbangkan oleh juruterbang antarabangsa dari 14 negara sepanjang penganjurannya.

Menurutnya, dengan adanya acara itu di Putrajaya, ia akan menjadi satu platform membuktikan wilayah berkenaan bukan saja sebagai pusat pentadbiran kerajaan persekutuan tetapi destinasi pelancongan.

Penganjuran Fiesta Belon Udara Panas Putrajaya juga satu daripada acara utama disenaraikan dalam Kalendar Acara Perbadanan Putrajaya 2020 dan menjadi acara tahunan di Putrajaya.

Antara negara yang menyertai acara berkenaan adalah dari Sepanyol, Slovakia, Brazil, Australia, Jepun, Belgium, Amerika Syarikat, United Kingdom, Korea Selatan dan Taiwan.

Tarikan terbaru acara ini adalah penampilan belon Iglu yang direka menggunakan bahan kitar semula seperti belon udara panas terpakai yang membentuk struktur iglu dan bercahaya. Belon berkenaan akan diletakkan di zon merah jambu tapak pelancaran belon udara panas di Presint 2, 7 petang hingga 10 malam.

Acara kemuncak yang paling dinanti-nantikan semestilah ‘Night Glow’ yang mana cahaya lampu dari belon udara panas pelbagai bentuk bergemerlapan mengikut rentak muzik juga akan kembali pada tahun ini dengan satu kejutan yang berbeza.

Walau bagaimanapun, perkembangan terkini wabak global coronavirus (COVID-19) telah

membuatkan keadaan pada masa ini sangat sukar untuk meramalkan skala penularan wabak semasa tarikh acara berlangsung serta ketidakpastian pergerakan rentas sempadan pengunjung-pengunjung tempatan dan antarabangsa.

Dengan dukacitanya penganjuran Pesta Belon Udara Panas Antarabangsa Putrajaya yang dijadualkan pada 19 hingga 22 Mac 2020 di Presint 2, Putrajaya terpaksa ditangguhkan.

Perancangan untuk acara “MyBalloonFiesta 2020” ini melibatkan sebilangan besar rakan kongsi, juruterbang, krew, syarikat produksi, pengurus acara, sukarelawan, pasukan kesihatan dan keselamatan dengan lebih 200,000 pengunjung dijangka hadir. Ini merupakan keputusan yang sangat sukar buat PPj memandangkan acara tahunan ini sangat dinanti-nantikan oleh ramai orang.

Tiket yang telah dibeli akan dikembalikan wangnya dalam tempoh 30 hari bekerja. Tarikh akhir untuk isi borang bayaran balik adalah pada 22 Mac 2020. Untuk maklumat lanjut mengenai proses bayaran balik, boleh rujuk <https://www.myballoonfiesta.com/refund>.





Terjunan Ekstrem Jadi Acara Tahunan Putrajaya

Aksi terjunan ekstrem, Putrajaya Base Jump (PBJ) 2020 yang diadakan sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan akan dijadikan sebagai acara tahunan.

Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abdul Samad berkata ia susulan sambutan dan penyertaan luar biasa daripada penerjun tempatan dan antarabangsa, selain berjaya menarik minat orang ramai untuk datang menyaksikan acara hebat tersebut. Hadir sama Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Datuk Dr Noor Zari Hamat dan Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), Datuk Dr Aminuddin Hassim.

PBJ 2020 merupakan acara julung kali yang dianjurkan dengan pembabitan ramai penerjun antarabangsa, berbanding penganjuran sebelum ini yang dibuat dalam skala kecil membabitkan peserta tempatan. PBJ akan cuba dikekalkan supaya ia menjadi satu lagi program ikonik oleh PPj dan jika dibangunkan secara teratur, PBJ berpotensi menarik perhatian masyarakat antarabangsa untuk mengunjungi Putrajaya.

PBJ 2020 menyaksikan seramai 34 penerjun profesional dari sembilan buah negara melakukan aksi terjunan dari ketinggian 40 tingkat bangunan Kementerian Pembangunan

Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

Selain peserta tempatan, terjunan yang turut melibatkan peserta dari Amerika Syarikat, Kanada, Australia, Estonia, Poland, United Kingdom, Rusia, Indonesia serta Jepun tersebut dianjurkan sempena Hari Wilayah Persekutuan, Jubli Perak Putrajaya dan Tahun Melawat Malaysia 2020 (VM2020).

Terjunan 'base jump' merupakan sukan yang digemari masyarakat antarabangsa dan jika ditambah baik, PBJ boleh menjadi satu acara yang mampu menggamit kehadiran pelancong antarabangsa ke dalam negara, dan Putrajaya, khususnya. Bagi menyokong usaha PPj dan seiring langkah menjayakan misi nasional VM2020, pihak Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya akan memasukkan PBJ sebagai satu daripada agenda di dalam kalender mempromosikan tahun melawat Malaysia.

Bagi PPj pula, hasrat Kementerian Wilayah Persekutuan untuk menjadikan PBJ sebagai program ikonik Putrajaya atau acara tahunan adalah satu pengiktirafan terhadap usaha yang dilakukan oleh PPj dalam mempromosikan pusat pentadbiran kerajaan Persekutuan.

Larian Budi Half Marathon 2020



Larian Budi Run Half Marathon (BHM) Putrajaya 2020 menyasarkan rekod himpunan para alumni Universiti Teknologi Mara (UiTM) terbesar bersama-sama pelari tempatan dan antarabangsa.

Acara yang berlangsung pada 22 Februari 2020 akan menjadi acara kalendar tahunan Hari Wilayah Persekutuan dengan menyasarkan 10,000 peserta yang bermula di Dataran Kehakiman, Putrajaya.

Pengarah Program BHM, Ahmad Shamsul Bahrin berkata, Alumni UiTM khususnya harus menyertai larian berkenaan kerana hasil kutipan yuran penyertaan akan disumbangkan kepada Yayasan Tabung Pendidikan 1 Bilion (TP1B) persatuan untuk tujuan kebajikan alumni dan pelajar.

Terdapat sekitar 815,000 alumni UiTM sejak UiTM ditubuhkan pada 1956. Sasaran BHM 2020 adalah untuk menarik penyertaan termasuk kalangan umum sehingga 10,000 orang. Sebanyak 16 kategori dipertandingkan antaranya Terbuka Lelaki dan Wanita, Veteran Lelaki dan Wanita, Junior Lelaki dan Perempuan, Lelaki dan Wanita UiTM, Larian Ria, Keluarga dan Tetamu Kenamaan yang melibatkan empat jarak berlainan, 21, 10, 5 dan 3 kilometer.

Yuran penyertaan yang dikenakan adalah antara RM43 hingga RM210 manakala hadiah wang tunai antara RM100 hingga RM500 berserta trofi diberikan kepada pemenang di tangga empat teratas.

Semenjak penyertaan dibuka menerusi atas talian, sebanyak 360 peserta dalam dan luar negara telah mendaftar bagi memeriahkan BHM 2020 iaitu 354 warga tempatan selain dua

dari India dan masing-masing seorang dari Kemboja, Indonesia, Jepun dan Maldives.

Larian ini mendapat kerjasama dan sokongan daripada Kementerian Wilayah Persekutuan, MSWP serta kelulusan Persatuan Olahraga Wilayah Persekutuan berlangsung dari pukul 5.30 pagi hingga 11 pagi.

Maklumat lanjut boleh dilayari di laman sesawang www.jomrun.com/event/BUDI-Half-Marathon.



3,000 peserta meriahkan Putrajaya Parks Day



Seramai 3,000 pengunjung memeriahkan Putrajaya Parks Day sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2020 di Taman Wawasan, Presint 2 Putrajaya.

Dilihamkan dari World's Park Day yang disambut di kebanyakan negara maju, Putrajaya Parks Days kali kedua itu dianjurkan Perbadanan Putrajaya (PPj) dalam menggalakkan orang ramai menggunakan kemudahan disediakan di taman awam Putrajaya bagi tujuan riadah dan rekreasi.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Samad.

Program ini adalah antara tindakan di bawah Blueprint Masyarakat Sejahtera Putrajaya 2018-2022 dan Pelan Strategik Putrajaya 2016-2020 dalam merakyatkan taman awam di pusat pentadbiran kerajaan persekutuan.

Di samping dapat mempromosikan taman berkenaan, ia mampu meningkat kehadiran pengunjung serta menjadikan Putrajaya

sebagai destinasi pelancongan yang unggul dan berdaya saing melalui pembangunan produk pelancongan.

Program ini amat signifikan dengan Putrajaya yang dibangunkan berkonsepkan Bandar Raya Taman apabila 40 peratus daripada kawasannya terdiri daripada taman awam, tasik dan Wetland yang diwujudkan bagi memastikan kelestarian alam serta keseimbangan ekosistemnya.

